



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

“MEMPERKUKUH PERSAUDARAAN”

Tarikh Dibaca :

**2 SYAWAL 1442H/
14 MEI 2021M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**“MEMPERKUKUH PERSAUDARAAN”****2 SYAWAL 1442H / 14 MEI 2021**

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ، قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْكَرِيمِ، : أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ : إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ
فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ١٠

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa iaitu kita melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam rahmat dan perlindungan Allah SWT di dunia mahupun di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: **“Memperkukuh Persaudaraan”**.

Negara dan dunia masih lagi dilanda pandemik covid-19 yang dunia tidak tahu bila akan berkesudahan. Dalam usaha kita mengekang penularan Covid-19 ini, khatib ingin terus mengingatkan sidang jemaah sekalian untuk terus mematuhi garis panduan

pencegahan yang telah ditetapkan dan dalam masa yang sama kita terus bertaubat dan bermunajat kepada Allah SWT agar kita semua diselamatkan dari wabak penyakit ini. Sahutlah seruan kerajaan untuk segera mendaftar bagi mendapatkan suntikan vaksin melalui aplikasi *mysejahtera*.

Sidang Jemaah yang dimuliakan,

Kehadiran Bulan Syawal membawa bermacam rasa dan suasana. Rasa gembira, sedih, sebak, terharu, rasa kebersamaan, kekeluargaan, kepedulian dan bermacam lagi perasaan terbit dalam hati sanubari kita. Semangat kepedulian dan kebersamaan yang dirasakan ketika ini merupakan hasil latihan yang kita lalui dalam Bulan Ramadan iaitu latihan bersabar dalam melaksanakan kefarduan yang wajib dan sunat, bersedekah, membantu fakir miskin dan anak yatim, ibadah zakat serta lain-lain ibadah yang disyariatkan kepada umat Islam. Dengan adanya latihan-latihan ini, ia akan mencetuskan rasa kasih sayang dan prihatin kepada ahli keluarga dan saudara-saudara kita lain yang sedang dalam kesusahan.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya umat Islam itu bersaudara. Dari timur hingga ke barat, dari utara hingga selatan, dan di seluruh pelusuk bumi ini, umat Islam adalah bersaudara. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Hujurat ayat 10:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ۝

Maksudnya: “*Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.*”

Imam al-Syaukani menjelaskan bahawa ayat ini menjadi penegasan terhadap betapa pentingnya hidup damai yang dititikberatkan atas dasar keimanan dan ketakwaan. Jikalau pun ada sebarang perselisihan, maka perlu dicari solusi yang terbaik bagi mendamaikan kedua-duanya. Imam Fakhruddin al-Razi pula memberikan penjelasan bahawa ayat ini sebagai pelengkap atas petunjuk kehidupan yang damai. Perkara yang

paling utama dalam hidup ialah persaudaraan, bukan dengan saling berbalah dan berperang. Hal ini kerana, permulaan dari perbalahan dan peperangan ialah fitnah dan tidak menghormati perbezaan yang ada. Justeru, untuk meraih persaudaraan dan kedamaian tersebut, maka perlunya jiwa yang bertakwa. Maka, Ramadan yang bermatlamatkan ketakwaan kepada Allah SWT menjadi latihan kepada kita untuk menggilap iman dan takwa dalam diri.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Menjaga persaudaraan merupakan salah satu tuntutan yang besar dalam Islam. Antara ciri orang yang bertakwa ialah sentiasa menunjukkan sikap dan perilaku yang memberi jaminan rasa selamat antara satu sama lain. Selain itu, antara ciri sikap takwa ialah menjaga hubungan baik sesama manusia, kerana syariat memerintahkan kita untuk menjalin hubungan dengan Allah SWT dan hubungan antara sesama manusia (حَبْلٌ)

(مِنْ اللَّهِ وَحَبْلٌ مِنَ النَّاسِ). Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَصِلْ رَحِمَهُ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ.

Maksudnya: “Barangsiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia memuliakan tetamunya. Barangsiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia menyambung silaturrahim. Barangsiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia berkata baik atau dia diam.” (Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Dari hadis ini, kita dapat lihat keseimbangan dan pertalian dalam memelihara hubungan dengan Allah SWT dan hubungan antara sesama manusia melalui tiga komitmen yang disebutkan dalam hadis ini iaitu; **Pertama:** memuliakan tetamu. **Kedua:** Menyambung silaturrahim; dan **ketiga:** berkata yang baik-baik atau diam.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Konsep persaudaraan yang ditekankan dalam Islam tidak hanya terbatas dalam ruang lingkup kejiiran, ataupun daerah, ataupun negara. Bahkan konsep persaudaraan yang ditekankan oleh Islam melebihi sempadan global. Ungkapan Melayu menyebut; “cubit paha kiri, paha kanan juga terasa”. Begitulah gambaran yang diberi bagi menggambarkan kesedihan dan kebimbangan kita terhadap saudara-saudara kita di negara-negara lain yang diuji dengan kemiskinan, peperangan dan wabak penyakit.

Terbaharu, tindakan tentera Zionis Israel yang menceroboh Masjid al-Aqsa dan menyerang umat Islam yang sedang menunaikan solat merupakan suatu tindakan biadab yang tidak dapat diterima akal waras manusia. perbuatan zalim itu bukan sahaja perlu dikecam sekeras-kerasnya, malah kerajaan Israel mesti dipertanggungjawabkan ke atas pelanggaran hak asasi manusia serta undang-undang antarabangsa.

Ramai rakyat Palestin tercedera dalam serangan itu. Pencerobohan di Masjid al-Aqsa yang disasarkan terhadap jemaah yang sedang menunaikan solat pada hari-hari terakhir Ramadan merupakan satu bentuk penghinaan terhadap umat Islam dan nilai kemanusiaan. Kerajaan Malaysia turut mengecam sekeras-kerasnya pengusiran secara paksa rakyat Palestin dari kediaman mereka, termasuk yang berada di kejiiran Sheikh Jarrah di Baitulmaqdis.

Tiada daya dan tiada upaya kita melainkan Allah SWT yang Maha Gagah dan berkuasa membantu hamba-hamba-Nya yang sedang ditindas. Sama-samalah kita berdoa dan bermunajat memohon kepada Allah SWT agar Allah SWT membantu saudara-saudara kita yang sedang dalam kesusahan dan memberikan keamanan dan kesejahteraan kepada kita semua.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin menekankan beberapa intipati yang perlu diberi perhatian iaitu:

Pertama: Latihan yang ditempuhi dalam Bulan Ramadan mengajar kita menjadi lebih prihatin dan peduli terhadap saudara kita yang lain.

Kedua: Persaudaraan dan keamanan yang wujud dalam kalangan umat Islam berputik dari keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

Ketiga: Seluruh umat Islam adalah bersaudara. Justeru, setiap kesusahan dan penderitaan yang dialami oleh mana-mana umat Islam akan turut dirasakan oleh umat Islam yang lainnya.

Sabda Rasulullah SAW:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادِهِمْ، وَتَرَاحُمِهِمْ، وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهَرِ وَالْحُمَّى.

Maksudnya: “Perumpamaan kaum mukminin dalam sikap saling mencintai, dan saling berkasih sayang ialah mereka sebagaimana satu badan. Apabila satu anggota badan sakit, seluruh anggota badan ikut merasakan (kesakitan), dengan tidak dapat tidur dan demam”. (Hadis riwayat Imam Muslim)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى
النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى
آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَهَا مُوَلِيَا
سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغِ دَفَرْتَوَانِ اكَوْغِ ، السُّلْطَانِ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاهُ دُولِي يَغْ مَهَا مُولِيَا سِرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا رَاجْ فَرْمَايسُورِي اِكُوغْ،
تُونُكُو (Tunku) حَاجَه عَزِيْزَةُ اَمِيْنَةُ مِيْمُونَةُ اِسْكَندَرِيَّةُ بِنْتُ الْمَرْحُوْمِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَيَّ
اللّٰهُ سُلْطَانِ اِسْكَندَرِ الْحَاجِ .

اللّٰهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِيْنَ وَ الْمُؤْمِنَاتِ
بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ .

اللّٰهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا اَمِنًا مُّطْمَئِنًّا، سَخَاءً رِّخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَاِيْمَانٍ، وَاَمْنٍ وَاَمَانٍ،
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ .

اللّٰهُمَّ اَعِزِّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ ، وَدَمِّرْ اَعْدَاءَكَ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ وَاَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّيْنَ،
وَاخْذَلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَاَعْلِيْ كَلِمَتَكَ اِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ .

اللّٰهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِيْنَ عَامَّةً، اِنَّكَ عَلَي كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيْرٌ. اللّٰهُمَّ اِنَّا نَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُوْنِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْاَسْقَامِ، يَا
اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ .

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar Engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .
عِبَادَ اللّٰهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ١٠
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.